



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA INDEKS PENGELOUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA OKTOBER 2023

### Indeks Pengeluaran Perindustrian memulih kepada 2.7 peratus pada Oktober 2023 dipacu prestasi kukuh sektor Perlombongan

**PUTRAJAYA, 11 Disember 2023** – Indeks Pengeluaran Perindustrian memulih kepada 2.7 peratus pada Oktober 2023, dipacu oleh prestasi kukuh sektor Perlombongan, di samping pertumbuhan berterusan pengeluaran Elektrik dan Pembuatan. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Oktober 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Pengeluaran Perindustrian kembali kepada momentum positif pada Oktober 2023, merekodkan pertumbuhan 2.7 peratus tahun ke tahun berbanding negatif 0.5 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan pada Oktober 2023 merupakan tertinggi sejak Mei 2023 yang didorong oleh prestasi kukuh sektor Perlombongan sebanyak 8.7 peratus (September 2023: -5.2%). Pada masa yang sama, sektor Elektrik dan Pembuatan terus meningkat dengan masing-masing sebanyak 5.8 peratus (September 2023: 2.5%) dan 0.9 peratus (September 2023: 0.4%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP meningkat 2.2 peratus iaitu menunjukkan kenaikan untuk tiga bulan berturut-turut selepas 1.1 peratus yang direkodkan pada September 2023.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Peningkatan pengeluaran Pembuatan pada Oktober 2023 disokong oleh pengembangan dalam industri berorientasikan domestik sebanyak 6.7 peratus (September 2023: 5.8%). Kenaikan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan dua digit sebanyak 10.6 peratus dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler. Tambahan lagi, Pembuatan produk prosesan makanan; dan Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan turut memacu pertumbuhan dengan masing-masing mencatatkan 9.4 peratus dan 6.8 peratus.

Sebaliknya, industri berorientasikan eksport yang menyumbang lebih kurang dua pertiga daripada pengeluaran Pembuatan terus mengalami penurunan, namun dengan pertumbuhan negatif yang lebih kecil 1.5 peratus pada Oktober 2023 (September 2023: -2.0%). Penyusutan ini dipengaruhi terutamanya oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-4.3%); Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-4.0%); dan Pembuatan kelengkapan elektrik (-2.5%). Trend ini selari dengan eksport negara yang merosot 4.4 peratus pada bulan tersebut, iaitu lebih baik daripada negatif 13.8 peratus yang dicatatkan pada September 2023. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, pengeluaran sektor Pembuatan menyusut 1.3 peratus berbanding positif 2.1 peratus yang direkodkan pada September 2023.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Pengeluaran sektor Perlombongan meningkat ketara sebanyak 8.7 peratus pada Oktober 2023 (September 2023: -5.2%), iaitu mencatatkan pertumbuhan kukuh sejak September 2022 (15.7%). Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan dua digit sebanyak 10.2 peratus (September 2023: -1.4%) yang direkodkan dalam pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat, manakala Gas Asli pulih kepada 7.6 peratus (September 2023: -7.8%) pada bulan tersebut. Berbanding bulan September 2023, indeks Perlombongan melonjak 16.7 peratus berbanding kejatuhan 1.6 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.”

Pengeluaran Elektrik terus meningkat kepada 5.8 peratus pada Oktober 2023, selepas pertumbuhan 2.5 peratus pada bulan lalu. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Elektrik meningkat 5.3 peratus setelah mencatatkan penurunan 4.0 peratus pada September 2023.


Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi sepuluh bulan pertama tahun 2023, Ketua Perangkawan berkata, “IPP mengembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.0 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (Januari – Oktober 2022: 7.3%) dengan kesemua sektor menunjukkan pertumbuhan positif iaitu indeks Elektrik (2.1%); indeks Pembuatan (1.1%); dan indeks Perlombongan (0.6%).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,  
Oktober 2022 - Oktober 2023**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia  
Oktober 2022 – Oktober 2023**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia September dan Oktober 2023**




**Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia Oktober 2022 – Oktober 2023**



**Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia September dan Oktober 2023**



**Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, September dan Oktober 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
11 DISEMBER 2023**



**MEDIA STATEMENT**  
**INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA**  
**OCTOBER 2023**

***The Industrial Production Index rebounded to 2.7 per cent in October 2023 spearheaded by the robust performance of the Mining sector***

**PUTRAJAYA, 11 December 2023** - The Industrial Production Index rebounded to 2.7 per cent in October 2023, spearheaded by the robust performance of the Mining sector, alongside continuous growth in Electricity and Manufacturing output. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, October 2023**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The Industrial Production Index regained positive momentum in October 2023, recording a 2.7 per cent year-on-year growth as compared to a negative 0.5 per cent registered in the previous month. The increase in October 2023 which was the highest since May 2023, was driven by the robust performance in the Mining sector at 8.7 per cent (September 2023: -5.2%). In the meantime, the growth of the Electricity and Manufacturing sector continued, with 5.8 per cent (September 2023: 2.5%) and 0.9 per cent (September 2023: 0.4%) respectively. On a month-on-month comparison, the IPI rose by 2.2 per cent, marking a rise for three consecutive months following the 1.1 per cent recorded in September 2023."

The Chief Statistician further elaborated, "The increase in the Manufacturing output in October 2023 was underpinned by the expansion in the domestic-oriented industries by 6.7 per cent (September 2023: 5.8%). The growth was propelled mainly by the double-digit growth of 10.6 per cent in the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers. In addition, the Manufacture of food processing products; and the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment also supported the growth, registering 9.4 per cent and 6.8 per cent respectively."

Conversely, the export-oriented industries which constituted about two-thirds of the Manufacturing output remained in decline, albeit with a smaller negative of 1.5 per cent in October 2023 (September 2023: -2.0%). The contraction was primarily

*influenced by the Manufacture of computer, electronics & optical products (-4.3%); Manufacture of coke & refined petroleum products (-4.0%); and the Manufacture of electrical equipment (-2.5%). This trend aligns with the fall of country's export by 4.4 per cent during the month, an improvement from the negative 13.8 per cent registered in September 2023. In comparison with the preceding month, the production of the Manufacturing sector slipped by 1.3 per cent as against a positive 2.1 per cent recorded in September 2023.”*

*Adding further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The output in the Mining sector surged by 8.7 per cent in October 2023 (September 2023: -5.2%), registering a robust growth since September 2022 (15.7%). The increase was impelled by the double-digit growth of 10.2 per cent (September 2023: -1.4%) in the production of Crude Oil & Condensate, while Natural Gas rebounded to 7.6 per cent (September 2023: -7.8%) during the month. As compared to September 2023, the Mining index surged by 16.7 per cent in contrast to the 1.6 per cent drop registered in the previous month.”*

*The Electricity output advanced further by 5.8 per cent in October 2023, following a growth of 2.5 per cent in the previous month. In comparison to the preceding month, the Electricity index grew 5.3 per cent, after registering a decline of 4.0 per cent in September 2023.*


*Concluding his statement on the IPI performance for the first ten months of 2023, the Chief Statistician said, “The IPI expanded at a slower rate of 1.0 per cent as compared to the same period of the previous year (January - October 2022: 7.3%) with all sectors posting positive growth namely the Electricity index (2.1%); Manufacturing index (1.1%); and Mining index (0.6%).”*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.*


**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia, October 2022 – October 2023**




**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia  
October 2022 – October 2023**




**Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia, September and October 2023**




**Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, October 2022 – October 2023**



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,  
September and October 2023**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,  
September and October 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
11 DECEMBER 2023**